



## **JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

### **TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**MENGHAYATI FALSAFAH KORBAN**

**Tarikh Dibaca :**

**8 ZULHIJJAH 1443H/  
8 JULAI 2022M**

**Disediakan oleh :**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

**MENGHAYATI FALSAFAH KORBAN****8 ZULHIJJAH 1443H / 8 JULAI 2022**

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّبِّ الْعَظِيْمِ :

لَن يَنَالَ اللَّهُ لُحُومُهَا وَلَا دِمَاؤُهَا وَلَكِنْ يَنَالُهُ الْتَّقْوَىٰ مِنْكُمْ كَذَلِكَ سَخَرَهَا لَكُمْ لِتُكَبِّرُوا

اللَّهُ عَلَىٰ مَا هَدَنَكُمْ وَبَشِّرِ الْمُحْسِنِينَ ۝

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدَ وَعَلَىٰ أَهْلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ  
اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَىِ اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dinaungi rahmat dan kasih sayang Allah SWT di dunia dan di akhirat. Bersedialah dengan bekalan yang secukupnya bagi diri dan ahli keluarga kita untuk menempuh kehidupan akhirat yang kekal abadi. Bersempena menjelangnya Aidiladha, marilah sama-sama menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk: “**Menghayati Falsafah Korban**”.

Sebelum itu, saya ingin menyeru kepada seluruh umat Islam untuk terus mengimarahkan masjid, melaksanakan amar ma'ruf dan nahi munkar serta memelihara hubungan silaturrahim. Teruslah bermunajat kepada Allah SWT agar segala ujian dan kesusahan yang kita hadapi dipermudahkan oleh Allah SWT. Selain itu, teruslah berwaspada dengan ancaman wabak penyakit seperti Covid-19 dan penyakit tangan, kaki, dan mulut (HFMD)

dan penyakit-penyakit berjangkit yang lain. Jagalah kebersihan kerana ia juga merupakan salah satu tuntutan yang sangat besar dalam Islam.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH**

Apabila tibanya Zulhijjah, maka tidak dapat tidak, pastinya kita akan membicarakan berkaitan haji dan ibadah korban. Ketika saudara-saudara kita sedang berjihad menunaikan fardu haji di Makkah al-Mukarramah, kita pula dianugerahkan satu ibadah yang sangat dituntut untuk melaksanakannya iaitu ibadah korban.

Kalimah Korban berasal dari Bahasa Arab yang membawa maksud mendekatkan. Manakala menurut istilah syara', korban ialah sembelihan binatang ternakan seperti unta, lembu, kambing dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Ibadah ini dilakukan pada Hari Raya Adha dan hari-hari Tasyrik iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hajj ayat 37 yang bermaksud:

*“Daging dan darah binatang korban itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas berdasarkan takwa dari kamu, Demikianlah Dia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjuknya. Dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalannya”.*

Ayat ini menyeru manusia kepada ketataan yang ikhlas semata-mata kerana Allah SWT. Hal ini kerana pengorbanan dan pengabdian diri itulah yang menjadi tunjang utama dalam ajaran Islam. Tarbiyah pengorbanan bertujuan melatih umat Islam supaya membiasakan diri berkorban sesuatu yang dimiliki agar lebih bersyukur dan suka berkongsi rezeki dengan orang lain.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH**

Di samping kita meraikan syiar korban ini, seharusnya sebagai umat Muhammad SAW, sangat wajarlah kita menyantuni sunnah dalam ibadah korban. Ibadah korban bukanlah sekadar sembelihan biasa malah mempunyai hikmahnya yang tersendiri. Maka bagi merealisasikan syariat yang murni ini, sunnah dalam pelaksanaan korban usahlah

ditinggalkan. Sunnah dalam ibadah korban ini sangat penting untuk diamalkan bagi menjamin kesempurnaan dan keberkatan ibadah korban. Dalam kesempatan hari ini, khatib ingin mengajak para Jemaah sekalian untuk menghayati falsafah yang berkait dengan pelaksanaan ibadah korban:

**Pertama:** Menanamkan rasa syukur kepada Allah SWT atas segala kurniaan yang telah diberikan. Allah SWT juga menjamin pertambahan rezeki bagi sesiapa yang mensyukuri nikmat-Nya.

**Kedua:** Menyemai semangat untuk berkorban harta, masa, dan tenaga demi kemaslahatan ummah dan mencapai keredhaan Allah SWT.

**Ketiga:** Meningkatkan kepedulian sosial terhadap sesama umat Islam. Sesuai dengan maksud hadis bahawa tangan yang di atas lebih baik dari yang di bawah (yang memberi lebih baik (beroleh ganjaran) daripada yang menerima. Rezeki yang ada dikongsi bersama lebih-lebih kepada mereka yang berhak menerimanya.

**Keempat:** Mengajar supaya berlaku *ihsan* walaupun terhadap haiwan. Tatacara dan sunnah dalam sembelihan menunjukkan bahawa Islam amat mementingkan *ihsan* dan kebijakan walaupun terhadap haiwan.

**Kelima:** Melatih diri bersikap ikhlas dan berintegriti dalam melakukan sesuatu urusan.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Seperkara yang ingin saya tekankan dalam khutbah kali ini ialah urusan pengendalian dan pengagihan daging korban. Harus diingat bahawa daging yang diagihkan mestilah mengutamakan fakir miskin dan yang berhak menerimanya. Inilah saatnya kita berkongsi rezeki dan nikmat yang diperolehi kerana mungkin ada dari kalangan saudara seagama kita jarang atau bahkan tidak mampu untuk membeli daging.

Selain itu juga, sekiranya kita yang diamanahkan menguruskan korban, uruslah dengan penuh amanah dan ikhlas. Usahlah mengambil kesempatan dengan mengambil daging atau bahagian tertentu daripada binatang sembelihan dengan sewenangnya tanpa

memohon izin empunya binatang korban. Jangan jadikan ibadah korban sebagai peluang kita mengambil hak orang lain tanpa kebenaran khususnya organ dalam, tulang belulang, apatah lagi daging korban itu sendiri.

Mengurus korban juga perlu disampingi dengan adab dan niat yang baik untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Sempurnakan ibadah korban sebaik mungkin, uruslah sembelihan dengan baik supaya daging yang diagihkan adalah bersih dan selamat dimakan. Bersihkan kawasan sembelihan supaya kebersihan kawasan persekitaran dijaga dan seterusnya mencerminkan budaya hidup Muslim yang sebenar.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita amati beberapa kesimpulan sebagai panduan kita bersama:

**Pertama:** Ibadah korban merupakan manifestasi kehambaan kita kepada Allah SWT. Ia merupakan syiar besar yang wajar dihayati dan bukan semata-mata rutin sembelihan haiwan semata-mata.

**Kedua:** Falsafah-falsafah yang terkandung dari ibadah korban perlu dihayati dan menjadi matlamat utama dalam usaha mendekatkan diri kepada Allah SWT.

**Ketiga:** Uruskanlah ibadah korban dengan amanah dan bertanggungjawab. Pastikanlah hak-hak penerima daging korban dipenuhi sebaiknya mereka yang berhak mendapat daging korban.

Sehubungan itu, hidupkanlah syiar ibadah korban ini yang pernah dilaksanakan oleh Nabi Ibrahim AS sebagai suatu sunnah yang utama. Berlumba-lumbalah untuk melaksanakan ibadah korban sekiranya kita faham rahsia ibadah ini. Firman Allah SWT dalam Surah al-Kauthar ayat 2:

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأْخُرْ ،

**Maksudnya:** “*Dan dirikanlah solat kerana TuhanMu dan sembelihlah binatang ternakan*”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى أَلِهٖ وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ۔  
 أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ۔  
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا يَاهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيماً۔  
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ۔  
 وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِ التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ۔  
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ۔  
 اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةً مَلَكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يُعَثِّرْ مَهَا مُولِيَا سَرِي قَدْوَكَ بِكِينِدا يُعَثِّرْ دَفْرَتوَانِ اكْنُوْغَ، سُلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ بْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجَ أَحْمَدَ شَاهِ الْمُسْتَعِنِ بِاللَّهِ۔  
 وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يُعَثِّرْ مَهَا مُولِيَا سَرِي قَدْوَكَ بِكِينِدا رَاجِ فَرْمَا يَسُورِي اكْنُوْغَ، تُونِكُو حَاجَهُ عَزِيزَهُ أَمِينَهُ مِيمُونَهُ إِسْكَنْدَرِيَهُ بَنْتَ الْمَرْحُومِ الْمُتُوكِلَ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَنْدَرَ الْحَاجَ۔  
 اللَّهُمَّ احْفَظْ عَلِيَّاَهُ وَوزَرَاءَهُ وَقَضاَتِهِ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ۔

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمِنٍ وَآمَانٍ،  
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّنْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِيْ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفُعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَقْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ  
الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkau yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ..  
فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.